



MOHD BAHKRI BIN MD. SAID

TANAH DAN SUNGAI MELIMPahkan REZEKINYA

Oleh: Amy Suzani Mohd. Ainuddin

MELIHAT kepada cara dia bekerja sekali imbas, tidak seorang pun menduga bahawa lelaki ini cacat penglihatannya. Malah sekali pandang sepasang matanya memang tidak kelihatan seperti mengalami apa-apa masalah. Tidak hairan jika ada orang yang baru pertama kali mengenalinya menghulurkan tangan untuk bersalaman seperti mahu bersalaman dengan seorang yang dapat melihat dengan jelas. Hanya bila salam tidak bersambut barulah mereka sedar bahawa dia tidak dapat melihat.

Itulah Mohd. Bakhri bin Md Said, insan cacat penglihatan yang berjiwa besar dan bersemangat tinggi. Walaupun tanpa penglihatan yang sempurna Bakhri gigih berusaha memperbaiki ekonominya. Masa yang terluang tidak pernah dibiarkan berlalu begitu saja. Ada-ada saja aktiviti yang dilakukannya. Setiap aktiviti itu kebanyakannya memberikan pulangan kepada Bakhri. Justeru itu bukanlah sesuatu yang memeranjatkan kalau pendapatan bulanan Bakhri mampu mencecah lebih daripada RM5,000 sebulan.

Bercerita tentang sejarah hidupnya, Bakhri dilahirkan pada 14 Julai 1951 di sebuah perkampungan di pinggir sungai Pahang yang diberi nama Kampung Lubok Paku dalam daerah Maran, Bakhri merupakan anak ketiga daripada empat orang adik-beradik.

Beliau lahir dengan penglihatan yang normal. Sewaktu kecil tidak ada tanda-tanda bahawa beliau akan kehilangan penglihatannya. Malah beliau memasuki alam persekolahan sama sebagaimana kanak-kanak lain di kampung tersebut iaitu di Sekolah Kebangsaan Singgora.

Ketika berusia 12 tahun, tanpa sebarang penyakit yang jelas, tiba-tiba Bakhri menyedari yang daya penglihatannya semakin berkurangan. Guru-guru yang mengajarnya juga mula mengesan keadaan tersebut. Beliau tidak lagi dapat membaca tulisan di papan hitam dengan jelas. Malah sewaktu menulis dalam buku latihannya, tulisan Bakhri tidak lagi teratur, sekejap ke bawah, sekejap ke atas tanpa mengikut garisan yang lurus. Ekoran dari itu, gurunya yang prihatin telah memindahkan tempat duduknya ke bahagian paling hadapan.

Namun keadaan itu tidak banyak mengubah keadaan. Pelajaran Bakhri mulai merosot. Penglihatannya pula semakin hari semakin bertambah kabur. Begitu pun beliau masih menguatkan semangat untuk melangkah ke sekolah menengah. Dua tahun di sekolah menengah, akhirnya Bakhri terpaksa mengalah. Sebelum sempat menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SRP), beliau terpaksa mengundurkan diri dari alam persekolahan ekoran penglihatannya yang semakin buruk.

Begitupun Bakhri masih bebas bergerak di sekitar kampungnya ketika itu. Beliau masih boleh ke sana ke mari berbasikal bersama teman-teman sekampung. Dunianya pada waktu itu tidaklah terlalu suram meskipun tidak lagi bersekolah seperti rakan-rakan sebaya yang lain. Aktiviti sehariannya banyak tertumpu membantu ayah dan ibu di kebun mereka.

Masa berlalu dan masa yang berlalu itu rupa-rupanya semakin menjadikan deria penglihatan Bakhri bertambah serius. Ketika usianya menjangkau 17 tahun, dunia yang sebelum ini masih disinari sedikit cahaya tiba-tiba bertukar menjadi gelap gelita. Segalanya hitam seolah-olah menutup setiap lorong kehidupan yang sedang dilaluinya. Kegelapan itu sekaligus mula membataskan pergerakan Bakhri. Zaman berbasikal lincah ke sana ke mari bersama teman-teman terpaksa dilupakan dan sekadar menjadi rakaman manis memori alam remaja.

Sulit untuk Bakhri menerima keadaan itu pada mulanya. Beliau benar-benar sedih dan kecewa. Beliau yang biasa berdikari tiba-tiba terpaksa bergantung kepada orang lain

untuk membantu dalam banyak perkara. Terasa hidup bagaikan sudah tidak bermakna. Tidak punya masa depan yang menjanjikan lagi. Biar pun keluarga sentiasa bersama, memberikan sokongan dan tidak pernah menyisihkannya biarpun dia cacat, namun Bahkri masih merasa hidupnya suram.

Beberapa bulan Bahkri berkeadaan sedih dan kecewa. Tetapi akhirnya dia mula berfikir, kesedihan itu tidak akan membawanya ke mana-mana. Walau bagaimana pun dia bersedih, walau air mata darah sekali pun dia alirkan, keadaan tetap tidak akan berubah lagi. Penglihatannya tidak mungkin dapat dikembalikan. Begitulah menurut kata doktor yang merawatnya. Saraf saraf penglihatannya telah rosak dan hanya keajaiban yang boleh membuat Bahkri dapat melihat semula.

Bahkri mula berfikir yang dia perlu melakukan sesuatu untuk mengubah nasibnya. Tuhan tidak akan mengubah nasib seseorang melainkan jika orang itu sendiri berusaha mengubahnya. Itulah ungkapan yang seolah-olah menyuntikkan semangat dalam jiwa Bahkri. Semangat yang membuatkan dia bangun dari kesedihan dan mula mengatur langkah memulakan kembali hidupnya dengan seribu harapan dan doa.

Dalam keadaan mencari-cari tapak untuk membina kehidupan baru tanpa penglihatan, Bahkri mendapat tawaran untuk memasuki pusat pemulihan orang cacat penglihatan di Pahang. Di situ beliau akan diajar menganyam bakul dan pelbagai kraftangan lain yang boleh digunakan sebagai sumber pendapatan bila tamat latihan kelak. Namun kesempatan itu tidak Bahkri terima. Bukan sahaja kerana keluarganya agak

keberatan untuk melepaskannya pergi jauh dari kampung halaman, bahkan juga kerana Bahkri merasakan kemahiran yang ditawarkan kepadanya itu tidak begitu menjanjikan masa depan yang cerah. Ke mana sangatlah barangan rotan dan kraftangan seumpamanya boleh dipasarkan ketika masyarakat semakin menggunakan barangan plastik yang jauh lebih murah harganya. Kalau ada pun permintaan terhadap kraftangan berkenaan terpaksa pula bersaing dengan pengusaha lain.

Itulah yang difikirkan oleh Bahkri dan ternyata keputusannya untuk tidak ke Pusat Tunas Harapan itu bukan satu keputusan yang silap. Setelah menolak tawaran tersebut, Bahkri mula menumpukan sepenuh masa dalam bidang pertanian. Sekalipun pertanian bukanlah satu bidang yang begitu diminatinya, namun beliau bagaikan tidak punya pilihan. Tambahan pula ayah dan ibu sangat kuat mendorong serta menyokong usaha beliau itu.

Di atas sebidang tanah kepunyaan ayahnya, Bahkri memulakan usaha menanam jagung, tembikai dan sayur-sayuran lain. Orang tuanya membantu di mana yang perlu di awal usaha beliau tersebut. Di samping itu pihak RRI pada waktu itu turut memberikan khidmat nasihat mereka buat Bahkri mengusahakan tanamannya..

Berkat usaha gigih yang tidak mudah berputus asa akhirnya setelah beberapa lama, Bahkri mulai biasa dengan kerja-kerja bercucuk tanam itu. Beliau tidak lagi terlalu perlu bergantung kepada orang tuanya untuk menguruskan kebun itu. Hasil daripada titik

peluhnya juga mula dapat dinikmati. Benarlah kata orang berbudi kepada tanah itu pasti akan mendatangkan hasil.

Ketika usia Bahkri menjangkau 20an, timbul di hati terunanya untuk mendirikan rumahtangga. Hasrat itu disampaikan kepada ibu tercinta yang tanpa berlengah terus merisik-risik seorang calon isteri yang sesuai buat Bahkri. Pada masa itulah hadirnya Khadijah bt Sulong, seorang anak gadis kampung yang dengan penuh ikhlas bersedia menerima Bahkri sebagai suaminya. Khadijah yang normal penglihatannya dengan redha hati bersedia berkongsi hidup dalam sebuah rumahtangga bersama Bahkri.

Kesudian Khadijah itu amat membahagiakan Bahkri, malah Bahkri merasakan kehadiran Khadijah dalam hidupnya bagaikan membawa sinar baru buat menyuluh kegelapan dunianya. Dalam tahun 1981, rasmlah Khadijah menjadi isteri kepada Mohd. Bahkri. Mereka disatukan dengan ijab dan kabul untuk sama-sama melalui susah dan senang kehidupan.

Perkahwinan yang didirikan atas landasan ikhlas itu, ternyata kekal bahagia hingga ke hari ini. Mereka dikurniakan tiga orang cahaya mata. Dua lelaki dan seorang perempuan. Bahkri dan isteri memberikan sepenuh kasih sayang kepada anak-anak mereka. Kepada anak-anak, Bahkri sering berpesan agar tidak menjadikan kecacatannya sebagai penghalang untuk mereka berjaya dalam pelajaran.

Kini anak-anak tersebut telah dewasa malah semakin menampakkan kejayaan dalam hidup mereka. Anak sulungnya kini belajar di UITM. Anak kedua pula sedang mengikuti kursus di Institut Latihan Pertanian, sementara anak yang bongsu masih belajar dalam tingkatan lima di sebuah sekolah berasrama penuh di Temerloh, Pahang. Sese kali bila anak-anak ini pulang bercuti, mereka masih tidak segan untuk membantu Bahkri di kebun atau di sungai. Itulah hasil buluh yang dilentur semenjak dari rebung nya. Sebagai ayah, Bahkri memang rasa berbangga melihat pencapaian anak-anaknya setakat ini.

Setelah kira-kira lapan tahun mengusahakan pelbagai jenis tanaman, Bahkri mula menyimpan cita-cita untuk mengusahakan sesuatu yang baru pula. Kebetulan pada waktu itu pihak Jabatan Perikanan menawarkan projek perusahaan menternak ikan air tawar di dalam sangkar. Bahkri yang berminat dengan projek tersebut turut memohon untuk mendapatkannya melalui Jawatankuasa Kecil Kampung (JKKK) di kampungnya.

Malangnya permohonan Bahkri tidak berjaya. Bagaimanapun beliau masih bernasib baik apabila salah seorang AJK kampung dengan rela hati telah menyerahkan satu sangkar yang diperolehinya bagi diusahakan oleh Bahkri. Itulah permulaan kepada usahanya menternak ikan di dalam sangkar. Dan kepercayaan yang diberi itu tidak sedikit pun Bahkri persiakan. Beliau mengusahakannya dengan bersungguh-sungguh sehingga berjaya membuktikan bahawa insan cacat sepertinya juga mampu berjaya.

Kejayaan pertama ini telah membuka mata Jabatan Perikanan. Bahkri kemudian diberikan dua buah sangkar lagi. Bilangan sangkar tersebut terus meningkat sehingga sekarang Bahkri mempunyai tujuh buah sangkar yang keluasannya 10 X 12 kaki persegi.

Setiap satu sangkar dianggar boleh memuatkan antara 800 ke 1000 ekor ikan. Kebanyakan ikan yang dipelihara di dalam sangkar berkenaan adalah ikan Patin. Menurut Bahkri hanya satu sangkar yang dipelihara dengan ikan Talapia. Ini kerana permintaan untuk ikan Patin jauh lebih tinggi berbanding dengan ikan Talapia.

Dengan mendapat bekalan benih ikan daripada Jabatan Perikanan yang menjualnya dengan harga antara 30 ke 40 sen seekor, Bahkri gigih mengusahakan penternakan ikan di dalam sangkarnya. Menurut Bahkri dalam tempoh enam bulan, ikan yang dipelihara itu sudah boleh dijual. Purata harga untuk setiap kilogram ikan yang dijualnya ialah RM10. Pasaran ikan tersebut pula tidak menjadai masalah. Bahkri sudah mempunyai pemborong tetap yang datang membeli ikan-kannya setiap beberapa hari. Di samping itu, beliau dan isteri akan turut menjual sendiri ikan-ikan tersebut di Pasar Tani dan Pasar Sehari.

Untuk jualan setiap dua kali dalam seminggu di Pasar tani dan Pasar Sehari sahaja, Bahkri boleh menjual antara 400 ke 500 kilo ikan. Pendapatan untuk jualan tersebut sahaja sudah menjangkau hampir RM5,000. Itu belkum termasuk pendapatan yang akan diperolehi daripada pemborong yang datang membeli ikannya. Ternyata pulangan yang diperolehi hasil perusahaan tersebut cukup lumayan. Tidak sia-sia Bahkri mencurahkan tenaga saban hari mengusahakannya.

Ditanya apakah beliau tidak menghadapi masalah menguruskan penternakan ikan tersebut, Bahkri memberitahu Sungai Pahang sudah menjadi tempat permainannya sejak masih kanak-kanak. Beliau sudah hafal setiap ceruk kawasan di sungai tersebut, Malah

ketika berusia belasan tahun beliau bersama rakan-rakan pernah berenang merentasi sungai berkenaa. Di pinggir sungai tersebutlah beliau didewasakan dan sungai tersebut memang banyak menyimpan nostalgia dalam kehidupannya. Justeru itulah beliau tidak menghadapi masalah untuk bergerak bebas di sekitar kawasan perusahaan ikan sangkarnya.

Bahkri tidak menggaji pekerja untuk membantu menguruskan ikan-ikan dalam sangkarnya. Semuanya dilakukan sendiri dengan pertolongan isteri. Rutin hariannya akan bermula seawal jam 7.30 pagi. Dengan langkah penuh yakin Bahkri akan menuju ke sangkar ikannya. Beliau akan memberi makan ikan-ikannya. Selesai tugas tersebut beliau akan meninggalkan sangkar ikannya buat seketika dan menuju pula ke kebunnya yang seluas tiga setengah ekar. Tanah kebun tersebut Bahkri beli sendiri hasil daripada pendapatannya menternak ikan sangkar.

Kebun kelapa sawit tersebut turut Bahkri tanam dengan sayur-sayuran. Beliau yang sudah diasuh untuk bertani sejak kecil tidak menghadapi sebarang masalah mengusahakan kebun tersebut. Malah kelapa sawit yang ditanamnya sudah mula mengeluarkan hasil. Setiap minggu beliau akan mengupah seorang pekerja untuk memetik hasil kelapa sawit tersebut sebelum beliau sendiri menguruskan pengangkutan bagi membawa buah-buah kelapa sawit yang siap di petik itu keluar dari kebun.

Menjelang petang, bahkri akan kembali ke sangkar ikannya. Jika pada waktu itu air pasang Bahkri akan menarik sangkar itu ke tepi. Sebaliknya jika air sungai surut, sangkar-sangkar tersebut akan ditolak ke tengah sedikit. Pendek kata kerja-kerja itu

dilakukannya dengan lancar sama sebagaimana mereka yang terang penglihatannya. Kelincahannya bekerja di sangkar ikan tidak langsung memperlihatkan bahawa beliau mengalami cacat penglihatan.

Sememangnya tidak ada usaha yang tidak melalui cabaran dan rintangan. Sepanjang terlibat dalam dunia pertanian dan penternakan ikan sangkar Bahkri mengakui beliau telah menempuh berbagai masalah. Pernah suatu masa beliau mendapat benih ikan yang tidak baik. Akibatnya tumbesaran ikan-ikannya menjadi lambat dan beliau tidak dapat menjual ikan-ikan tersebut tepat pada waktunya. Pernah juga pada suatu masa tanaman jagung yang diusahakan dan sudah hampir dapat dipungut hasilnya musnah sama sekali akibat banjir yang melanda kampungnya. Namun segalanya tidak pernah mematahkan semangat Bahkri. Beliau menerima segalanya dengan hati yang tabah sebagai satu ujian daripada Tuhan.

Peristiwa yang paling menyedihkan Bahkri ialah ketika menghapai kematian ibu tercinta. Pemergian ibu yang sejak sekian lama menjadi pendorong kuat dalam hidupnya merupakan satu kehilangan besar buat Bahkri. Tambahan pula kerana belkiau memang sangat dengan ibunya. Sejak kecil hinggalah beliau berumahtangga dan mempunyai keluarga sendiri, beliau tidak pernah meninggalkan ibu dan kampong halamannya. Namun Bahkri dapat menerima kenyataan betapa kematian adalah tunangan kepada yang hidup. Biar pun ibu telah tiada namun semangat dan pesanan ibu akan terus hidup dalam jiwanya.

Begitulah rutin harian Bahkri. Bahkri mengakui dengan pendapatan yang diperolehinya dan dalam keadaan beliau hidup di kampung di mana barangan seperti sayur, kelapa dan ikan tidak lagi perlu membeli, kehidupannya sudah cukup selesa. Namun beliau memang tidak pandai untuk berdiam diri. Setiap masa terluang akan diisinya dengan berfaedah. Di samping mengusahakan kebun dan ikan dalam sangkar, apabila menjelang musim perayaan, Bahkri dan isteri akan menjalankan pula perusahaan membuat dodol untuk jualan. Perusahaan ini juga mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat setempat. Setiap kali musim perayaan, dodol yang diusahakannya tidak pernah berbaki malam selalunya tidak mencukupi.

Usaha untuk memperbaiki diri dan menambah ilmu pengetahuan tidak terhenti hanya di situ buat petani bersemangat tinggi ini. Baru-baru ini beliau telah mengikuti kursus refleksologi anjuran SBM Cawangan Pahang. Kursus selama dua bulan itu telah membawa beliau muncul sebagai peserta kursus terbaik. Semenjak menamatkan kursus berkenaan Bahkri sedapat mungkin cuba mempraktikkan ilmu yang dipelajarinya itu. Beliau mula memberikan khidmat refleksologi kepada penduduk kampungnya. Kini aktiviti tersebut mula mengisi waktu-waktu malamnya ketika berada di rumah.

Bahkri juga gigih mempelajari *Braille* kini. Beliau yang merupakan AJK Biro Pendidikan bagi SBM Cawangan Pahang merasakan satu kerugian kerana sejak sekian lama tidak dapat membaca sebarang bahan bacaan. Setiap kali menghadiri mesyuarat di SBM Bahkri selalu merasa dirinya tercicir kerana ahli-ahli jawatankuasa lain menggunakan tulisan *Braille* sedangkan beliau tidak tahu membacanya. Atas kesedaran

itulah beliau mengambil langkah untuk mula belajar dan berazam untuk menguasai tujian berkenaan. Malah untuk masa mendatang Bahkri menyimpan hasrat untuk turut menguasai bidang komputer serta ICT.

Tidak cukup dengan itu petani cacat penglihatan ini juga sebenarnya merupakan seorang ahli sukan yang handal. Beliau sering menyertai acara sukan bagi orang kurang upaya. Acara yang paling diminatinya ialah renang dan melontar lembing. Beliau pernah memenangi pinagt perak peringkat kebangsaan untuk kedua-dua acara yang disertainya itu. Kepada Bahkri selagi dalam diri ada semangat ‘yakin boleh’ selagi itu kejayaan bukan mustahil untuk dicapai.

Sesungguhnya Bahkri amat berterima kasih kepada banyak pihak yang menyokong, mendorong serta banyak memberika kerjasama kepadanya. Paling utama penghargaannya adalah buat ayahanda dan bonda tercinta Md, Said bin Md Keitex serta Bahayah binti Awang Lebar. Merekalah dua insan yang terus menerus mendoakan kejayaannya. Tidak lupa Bahkri terhutang budi kepada kakak-kakak serta adiknya. Malah bantuan daripada Jabatan Pertanian dan Jabatan Perikanan turut menyumbang kepada kejayaannya. Di samping itu Bahkri turut merakamkan rasa terima kasih kepada JKKK kampungnya serta pihak Majlis Derah Maran. Tanpa sokongan dan bantuan semua pihak ini dia mungkin tidak berjaya seperti sekarang.

Demikianlah liku-liku hidup Mohd Bahkri Mad Said. Segalanya dimulakannya dengan satu angan-angan. Namun angan-angan itu bukanlah angan-angan Mat Jenin yang

ingin mengahwini Puteri Raja. Bahkri menukar angan-angannya kepada sebuah cita-cita kental yang kemudian disusuli pula dengan usaha yang berterusan. Hari ini dia bahagia dan tenang menjalani hidup bersama keluarga serta perusahaannya. Bakti yang disemai telah membolehkannya menuai bukti. Bukti bahawa kecacatan bukan penghalang untuk sebuah kejayaan yang gemilang.